

08/11/1998

Guna 90 peratus komponen tempatan

PORT DICKSON: Pembinaan Pusat Bersepadu Pengurusan Buangan Terjadual berharga RM318 juta di Bukit Nanas, di sini harus menjadi kebanggaan negara kerana hampir 90 peratus komponen dan penyediaan infrastrukturnya dipasang syarikat tempatan.

Pusat yang diurus Kualiti Alam Sdn Bhd, sebuah konsortium gabungan tiga syarikat, termasuk dari Denmark itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Dalam ucapannya, Pengerusi Kualiti Alam Sdn Bhd, Tan Sri Razali Ismail, berkata siapnya pusat rawatan sisa buangan terjadual yang pertama dan terbesar itu turut menandakan pencapaian cemerlang syarikat kejuruteraan tempatan.

"Kita perlu berbangga kerana pusat ini adalah satu lagi projek nasional dan era baru dalam pengurusan bahan sisa sektor kilang."

"Ia juga sebagai perintis kepada golongan pekerja tempatan untuk menjadi tenaga mahir dan menimba pengalaman dalam bidang pemprosesan sisa toksik dan bahan buangan industri yang serba canggih," katanya.

Menurut Razali, selama 10 tahun iaitu bermula 1981 sehingga 1991, kerajaan menjalankan kajian mendalam ke atas 91 tapak di seluruh negara yang dikenal pasti untuk pembinaan loji berkenaan.

Bagaimanapun, tapak di Bukit Nanas akhirnya dipilih kerana ia memenuhi syarat dan kriteria untuk pembinaan loji itu.

(END)